



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(UTMSPACE)

Ruj. Kami : USB.01/02.01/10.12/2(٤٥)

23 Februari 2014

PEKELILING PENTADBIRAN UTMSPACE BIL. 5/2014

Semua Staf
UTMSPACE

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saudara,

POLISI IKATAN PERJANJIAN PERKHIDMATAN UTMSPACE

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran Bil. 1/2014 bertarikh 27 Januari 2014 telah bersetuju untuk melaksanakan polisi Ikatan Perjanjian Perkhidmatan kepada staf yang mengikuti program pengajian UTMSPACE dan kursus/latihan bagi pembangunan kerjaya masing-masing dengan pembiayaan oleh syarikat. Syarat-syarat dan kelayakan bagi polisi ini adalah seperti di lampiran.

3. UTMSPACE berharap agar pelaksanaan polisi baru ini bakal mewujudkan hubungan dua (2) hala majikan – staf yang lebih berkesan sekaligus membudayakan pembelajaran sepanjang hayat serta meningkatkan pembangunan kerjaya staf.

4. Polisi baru ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih. والسلام

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Yang benar,

PROF. DR. KHAIRUL ANUAR B. ABDULLAH
Pengarah Urusan/Dekan
UTMSPACE

☎ : 07-521 8120

☎ : 07-520 5725

✉ : khairulabdullah@utmpace.edu.my

kan/lin

UTMSPACE
ESTD 1982
(931427-K)

School of Professional and Continuing Education (UTMSPACE)

Universiti Teknologi Malaysia, 34-50, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 Skudai, Johor, Malaysia

☎ : +607-5212000

☎ : +607-5205725

✉ : enquiry@utmpace.edu.my

POLISI IKATAN PERJANJIAN PERKHIDMATAN UTMSPACE

1.0 PEMAKAIAN

1.1 Pemakaian polisi ini adalah bagi kumpulan staf berikut:

1.1.1 Staf yang mengikuti program pengajian UTMSPACE; dan

1.1.2 Staf yang mengikuti kursus/latihan bagi pembangunan kerjaya.

2.0 SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN

2.1 STAF YANG MENGIKUTI PROGRAM PENGAJIAN UTMSPACE

2.1.1 Program Pengajian

- a. Kursus pengajian hanyalah bagi yang ditawarkan oleh UTMSPACE sahaja;
- b. kursus pengajian tersebut hendaklah bersesuaian dengan kepentingan dan keperluan UTMSPACE;
- c. Mendapat kelulusan dan perakuan bertulis daripada Ketua Pusat/Bahagian.

2.1.2 Staf

- a. Staf berstatus tetap yang masih berkhidmat di UTMSPACE;
- b. Telah melebihi tempoh satu (1) tahun perkhidmatan;
- c. Memperolehi markah prestasi kerja yang cemerlang;
- d. Tidak pernah dikenakan tindakan disiplin; dan
- e. Mengekalkan GPA 2.0 pada setiap semester.

2.1.3 Kos Pengajian

- a. Terpakai kepada staf di mana yuran pengajiannya ditanggung oleh UTMSPACE (Borang Permohonan Bagi Pembiayaan Yuran Pengajian boleh didapati di HRM);
- b. Yuran pengajian yang dinyatakan tersebut adalah khusus bagi semester I, II dan III; dan
- c. Pembiayaan adalah dalam tempoh sepuluh (10) semester lazim atau lima (5) tahun pengajian sahaja.

2.1.4 Penguatkuasaan

- a. Bagi staf yang berhasrat untuk mengikuti pengajian, polisi akan berkuatkuasa mulai Semester I, Sesi 2014/2015 dan staf akan terus terikat kepada polisi ini; dan
- b. Bagi staf yang sedang mengikuti pengajian, tempoh ikatan adalah mengikut jumlah pembiayaan semasa dan berkuatkuasa mulai tarikh perjanjian ditandatangani.

2.1.5 Tempoh Ikatan

KEMUDAHAN	KADAR YURAN	IKATAN PERJANJIAN PERKHIDMATAN
Pelepasan Yuran Pengajian	RM 15,001.00 dan ke atas	Staf perlu berkhidmat selama tiga (3) tahun di UTMSPACE .
	RM 15,000.00 dan ke bawah.	Staf perlu berkhidmat selama dua (2) tahun di UTMSPACE .

2.1.6 Status Pelajar

- a. Bagi staf yang menanggung pengajian tetapi masih aktif, syarikat akan terus membiayai yuran pengajian;
- b. Bagi staf yang tidak aktif untuk tempoh empat (4) semester berturut-turut, staf akan diberhentikan daripada pengajian dan tuntutan akan dibuat oleh syarikat agar staf membayar yuran pengajian berdasarkan jumlah pembiayaan semasa; dan
- c. Bagi staf yang berhenti pengajian, ikatan perjanjian adalah mengikut jumlah yuran pengajian yang telah dibiayai oleh syarikat.

2.1.7 Bayaran Ganti Rugi

- a. Tuntutan ganti rugi akan dikenakan kepada staf sekiranya didapati melanggar Ikatan Perjanjian Perkhidmatan seperti di jadual di bawah :

PERATUSAN BAYARAN	TAHUN IKATAN PERKHIDMATAN
25 % daripada jumlah yuran pengajian	Lebih dua (2) tahun tetapi kurang tiga (3) tahun perkhidmatan.
50 % daripada jumlah yuran pengajian	Lebih satu (1) tahun tetapi kurang dua (2) tahun perkhidmatan.
75% daripada jumlah yuran pengajian	Kurang satu (1) tahun perkhidmatan.

- b. Bayaran ganti rugi seratus peratus (100%) dikenakan jika staf diberhentikan daripada perkhidmatan kerana kes disiplin.

2.2 STAF YANG MENGIKUTI KURSUS/LATIHAN BAGI PEMBANGUNAN KERJAYA

2.2.1 Kursus/Latihan

- a. Pengisian kursus/latihan perlu menepati bidang tugas, keperluan tugas dan tanggungjawab seseorang staf;
- b. Keputusan sama ada kursus/latihan yang diikuti oleh staf memerlukan Ikatan Perjanjian Perkhidmatan akan ditentukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran UTMSPACE mengikut kes-kes tertentu.

2.2.2 Staf

- a. Staf yang berstatus tetap dan masih berkhidmat di UTMSPACE;
- b. Telah melebihi tempoh satu (1) tahun perkhidmatan;
- c. Memperolehi markah prestasi kerja yang cemerlang; dan
- d. Tidak pernah dikenakan tindakan disiplin.

2.2.3 Kos Kursus/Latihan

- a. Terpakai kepada staf di mana yuran kursus/latihannya ditanggung oleh UTMSPACE; dan
- b. Lain-lain bayaran yang dianggap munasabah (penginapan, pengangkutan dan lain-lain).

2.2.4 Tempoh Kontrak Perkhidmatan

KEMUDAHAN	YURAN	IKATAN PERJANJIAN PERKHIDMATAN
Pembangunan Kerjaya Staf	RM 15,001.00 dan ke atas	Staf perlu berkhidmat selama tiga (3) tahun di UTMSPACE.
	RM 15,000.00 hingga RM 10,000.00	Staf perlu berkhidmat selama dua (2) tahun di UTMSPACE.

2.2.5 Bayaran Ganti Rugi

- a. Tuntutan ganti rugi akan dikenakan kepada staf sekiranya didapati melanggar Ikatan Perjanjian Perkhidmatan seperti di jadual:

PERATUSAN BAYARAN	TAHUN IKATAN PERKHIDMATAN
25 % daripada jumlah yuran latihan	Lebih dua (2) tahun tetapi kurang tiga (3) tahun perkhidmatan.
50 % daripada jumlah yuran latihan	Lebih satu (1) tahun tetapi kurang dua (2) tahun perkhidmatan.
75% daripada jumlah yuran latihan	Kurang satu (1) tahun perkhidmatan.

- b. Bayaran ganti rugi seratus peratus (100%) dikenakan jika staf diberhentikan daripada perkhidmatan kerana kes disiplin.

000